

# Hala tuju kerajaan jelas, di landasan betul: Tun M



Perancangan perindustrian, pertanian baharu berhasil dalam tempoh dua tahun lagi

Oleh Nazura Ngah  
nazura\_ngah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, keberkesanan perancangan dan hala tuju kerajaan berteraskan perindustrian baharu dengan sokongan pelan pertanian baharu, dapat dilihat hasilnya dalam tempoh dua tahun.

Optimis dengan keadaan itu, Perdana Menteri berkata, jentera kerajaan sudah dibersihkan dan pantas menerima cara baharu bekerja, manakala anggota Kabinet semakin selesa berfungsi sebagai kerajaan dan bukan lagi pembangkang.

Sambil meminta rakyat memberi masa dan menyokong Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB), Dr Mahathir memberi jaminan hala tuju dirancang ketika ini akan berada di landasan betul kerana kerajaan tahu apa yang ingin dilakukan.

“Perancangan mungkin mengambil masa seminggu atau lebih, tetapi pelaksanaan memerlukan

masa lebih panjang, sekurang-kurangnya dua tahun.

“Kerja berkaitan sudah bermula. Pemerhati mungkin beranggapan tiada apa yang berlaku. Rome bukan dibina dalam sehari. Ketika Malaysia beralih daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi perindustrian, ia turut mengambil masa.

“Kebanyakan kita tidak dapat mengingatnya, manakala golongan muda tidak sempat melihat peralihan itu. Ramai daripada mereka lahir selepas peralihan itu selesai. Sukar untuk membayangkan Malaysia yang berasaskan pertanian hari ini.

“Perkara yang sama berlaku sekarang. Peralihan ini akan mengambil masa, mungkin dua tahun atau lebih dari sekarang.

 **Kerja berkaitan sudah bermula. Pemerhati mungkin beranggapan tiada apa yang berlaku. Ketika Malaysia beralih daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi perindustrian, ia turut mengambil masa.**

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

## PM ucap selamat ulang tahun kepada UTK

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad mengucapkan selamat menyambut ulang tahun kepada Unit Tindakan Khas (UTK), Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berusia 45 tahun pada tahun ini.

Perdana Menteri berkata, UTK adalah unit penting dan istimewa, yang mana anggotanya mempunyai kebolehan serta menjalani latihan tertentu.

“Saya amat gembira kerana UTK sudah sampai usia 45 tahun. Kita harap unit ini akan ingat tanggungjawab masing-masing dan sedar tindakan diambil tentulah terkawal mengikut undang-undang negara,” katanya dalam rakaman video dimuat naik pada laman Facebooknya, Dr Mahathir bin Mohamad, semalam.



UTK adalah unit di bawah Pasukan Gerakan Khas PDRM yang ditubuhkan pada 1 Januari 1975. UTK berfungsi sebagai unit taktikal polis peringkat tinggi di Malaysia, selain paling berpengalaman dalam menangani keganasan.

Anggota UTK dilatih khusus untuk berdepan kes berisiko tinggi, terutama membabitkan penjenayah dan penganas, selain melaksanakan misi penyamaran.

Percayalah, ia akan berlaku. Dalam beberapa keadaan, ia sudah bermula.

“Kita tidak lagi menggunakan kertas dan tidak lama lagi turut menjadi tanpa tunai. Pendigitalan sudah berlaku manakala Kecerdasan Buatan (AI) menyumbang terhadap kepantasan kerja dan transaksi,” katanya dalam catatan di blog rasminya, *chedet.cc*, semalam.

Dr Mahathir menyifatkan tuduhan kononnya Kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak mempunyai hala tuju dibuat oleh mereka yang enggan menerima realiti.

Tegas Perdana Menteri, kerajaan tidak mencuri wang atau menambah pinjaman semata-mata untuk mempunyai dana mersuah pihak lain.

“Kita gunakan apa yang ada. Wang kita tidak banyak. Kita tidak mampu menabur wang kepada rakyat. Cara kita ialah menambah atau mewujudkan pekerjaan. Bagaimanapun, rakyat mesti bersedia menerima pekerjaan atau peluang perniagaan yang diwujudkan.

“Kita lakukan semua ini, namun mereka menganggap kita tidak menarik perhatian. Lama-kelamaan, mereka akan menyedari sumbangannya terhadap ekonomi negara,” katanya.

Dr Mahathir turut mempertikaikan dakwaan kerajaan tidak mempunyai hala tuju ketika kerajaan mengekalkan kemampuan negara membuat pembayaran balik di sebalik hutang melebihi RM1 trilion.

Katanya, peminjam tidak menyaman kerajaan, malah, ada yang bersedia meminjamkan lebih banyak wang pada kadar rendah, sekali gus menunjukkan kerajaan boleh dipercayai dengan hutang berjaya dikurangkan.

“Dari segi politik, negara masih stabil. Benar, berlaku beberapa ketegangan dalam sebuah parti PH, tapi ini biasa. Tiada siapa yang cuba menggulingkan kerajaan menerusi undi tidak percaya. Mereka tahu ia tidak akan berjaya,” katanya.

**Perlukan lebih sekadar keajaiban, pulihkan Malaysia**  
Muka 11